

Lahir belia berani

Oleh Hajah Saemah Kepli

KUALA BELAIT, 6 Sept - Awang Mohd Shahfirul Iqbal bin Abdul Sufri yang mewakili Masjid RPN Kampung Pandan telah menjuarai Peraduan Membaca Khutbah Jumaat bagi Kumpulan Belia Masjid-Masjid Daerah Belait, yang diadakan di Masjid al-Mashhor Kampung Sungai Mau di sini.

Sementara itu, tempat kedua dimenangi oleh Awang Adi Hafizee bin Zunaidi dari Masjid Zainab Kampung Lumut dan Awang Mohd Aiman bin Yahya dari Masjid Sungai Liang menduduki tempat ketiga.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku tetamu kehormat.

Seramai 12 orang peserta yang mewakili kumpulan-kumpulan belia masjid di Daerah Belait menunjukkan penyampaian khutbah Jumaat dalam pertandingan



Antara peserta Peraduan Membaca Khutbah Jumaat bagi Kumpulan Belia Masjid-Masjid Daerah Belait.

anjuran Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait dengan kerjasama ahli jawatankuasa Takmir Masjid al-Mashhor Kampung Sungai Mau Belait berkenaan.

Ia antara lain bertujuan untuk melahirkan belia yang boleh membaca tulisan jawi dengan baik, seterusnya berani tampil di khalayak ramai dan dapat memberikan

kesedaran kepada orang ramai melalui khutbah yang disampaikan.

Peraduan tersebut juga sebagai salah satu program semasa cuti penggal persekolahan dan dengan adanya pertandingan seperti itu juga dapat mengukuhkan lagi tali silaturahim dalam kalangan para belia.

Pendedahan Dialek Melayu Brunei



Gambar ramai rombongan bersama warga UBD.

Oleh Imelda Groves HA

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Sept - Seramai 23 mahasiswa Persatuan Bahasa Melayu (PBM), Universiti Sains Malaysia (USM) bersama dua pensyarah, baru-baru ini, berada di Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi mengikuti Program Penemuan Global yang ditawarkan oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC), UBD.

Program selama empat hari, dari 2 hingga 5 September, itu diungkayahkan dengan kerjasama Kelab Pendeta Bahasa (KPB), UBD selaku pelaksana program yang bertujuan bagi mengeratkan jalinan kerjasama

antarabangsa di antara kedua-dua persatuan di samping mendedahkan para pelajar USM kepada Dialek Melayu Brunei dan budaya masyarakat Brunei.

Bagi merealisasikan objektif lawatan tersebut, seminar yang bertemakan 'Melestarikan Bahasa, Budaya dan Sastera Melayu' telah diadakan dengan tujuh kertas kerja telah dibentangkan oleh mahasiswa dan pensyarah dari kedua-dua institusi.

Disamping itu, rombongan berkenaan juga berpeluang mengadakan lawatan ke sekitar Kampong Ayer, Tamu Kianggeh, Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja, Taman Agro Teknologi dan Dewan Bahasa dan Pustaka, di mana mereka didedahkan mengenai kehidupan masyarakat di



Pensyarah UBD bersama pensyarah USM dalam salah satu program yang diadakan.

Brunei di samping memperkenalkan bahasa, budaya dan masyarakat Brunei.

Malam pertukaran budaya menjadi acara kemuncak yang memperlihatkan mahasiswa-mahasiswi dari kedua-dua kelab mempersembahkan budaya masing-masing.

Dr. Yabit Alas selaku penasihat program menyatakan harapan agar kunjungan ini akan menjadi platform kepada terjalannya kerjasama yang berterusan di antara PBM dan KPB pada masa akan datang.

17 pelajar UNISSA dipilih ikuti pengajian luar negara



Gambar ramai para pelajar yang akan mengikuti pengajian luar negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Sept - Seramai 17 orang pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah terpilih untuk meneruskan pengajian selama setahun di luar negara di bawah Program Pengajian Luar Negara bagi sesi akademik 2015/2016.

Justeru itu, majlis doa selamat bagi para pelajar terpilih berkenaan telah diadakan kelmarin, di mana Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal turut menyampaikan amanat kepada para pelajar tersebut.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan UNISSA, timbalan dekan, timbalan pengarah, pegawai dan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Menurut kenyataan UNISSA, Program Pengajian di Luar Negara ditawarkan kepada pelajar-pelajarnya yang cemerlang untuk mengikuti pengajian Tahun 3 di luar negara selama setahun pengajian akademik (dua semester).

Bagi mengikuti program ini, sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh dekan pelajar telah menjalankan beberapa siri penilaian dalam proses pemilihan mengikut kriteria-kriteria tertentu.

Melalui program itu, lapan pelajar akan melanjutkan pengajian ke Jordan, lima ke United Kingdom dan empat lagi ke Malaysia.